

08 FEB 2003

Mahathir-Hadi (Bergambar)

KERAJAAN AKAN SIASAT KEHADIRAN HADI DI MAKASSAR, SULAWESI

LANGKAWI, 8 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan menyiasat laporan akhbar yang mendakwa Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang pernah menghadiri mesyuarat kumpulan radikal Islam di Makassar, Sulawesi Selatan pada Oktober 2000, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan siasat," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas gesaan Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein supaya pihak berkuasa menyiasat laporan itu memandangkan mesyuarat berkenaan turut dihadiri Pengerusi Majlis Mujahiddin Indonesia (MMI) Abu Bakar Bakar Basyir.

Hishammuddin juga dipetik sebagai berkata laporan itu perlu disiasat kerana ia boleh menjejaskan nama baik bukan sahaja umat Islam negara ini malah nama baik Malaysia.

Selain Abu Bakar, akhbar berbahasa Inggeris juga melaporkan semalam mesyuarat itu turut dihadiri pemimpin Laskar Jundullah, Agus Dwikarna yang kini menjalani hukuman penjara 17 tahun di Filipina kerana memiliki bahan letupan secara haram dan disyaki terbabit dalam pengeboman di Manila dan Jakarta.

"Tak taulah, saya harap dia tak ada kaitan dengan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh beberapa orang di situ," kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan mengenai pengakuan Abdul Hadi yang mengesahkan pernah pergi Makassar atas kapasiti sebagai ketua kerajaan negeri yang dijemput Universiti Hassanuddin dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan di Makassar, Sulawesi yang dikaitkan dengan sarang militan Islam di rantau ini.

Laporan akhbar hari ini menyebut Abdul Hadi, yang juga pemangku Presiden PAS, mengakui telah menghadiri satu kongres Islam di Makassar, Sulawesi Selatan tetapi beliau tidak bimbang dengan tindakan sesetengah pihak yang cuba mengaitkannya dengan kegiatan militan.

Ketika menjawab soalan sama ada wujud pengecualian membabitkan Menteri Besar seperti Abdul Hadi dengan orang biasa dalam kes seperti ini, Perdana Menteri secara sinis berkata:

"Dia pembangkang. Pembangkang (ada) keistimewaan. Dia pecah undang-undang pun kalau dia pembangkang tak apa. Kalau orang kerajaan, silap sikit saja kena bawa ke mahkamah."

Mengenai sama ada kehadiran Abdul Hadi itu seolah-olah dapat mengaitkan PAS dengan kegiatan militan, beliau berkata: "Kita tahu banyak anggota gerakan militan adalah anggota PAS".

Dr Mahathir yang tiba di sini malam tadi, sebelum itu menaiki helikopter di Kampung Tok Senik Resort di sini, sebaik selesai bersarapan, untuk melawat pembangunan pangkalan marina Kuala Kedah.

Beliau diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir kemudian berpatah balik ke Langkawi dan meninjau projek "Harbour Park Langkawi" di Pantai Kok di sini.

Projek bernilai RM40 juta itu dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa, pelbagai kemudahan lain seperti hotel, butik dan apartmen di kawasan seluas 12 hektar itu.

Beliau diberi taklimat mengenai perkembangan projek itu yang kini 80 peratus siap oleh perunding projek, yang juga pelayar negara Datuk Azhar Mansor.

Dr Mahathir kemudian melawat stesen perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks beli belah bersepadu Oriental Village di Teluk Burau dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter.

Perdana Menteri turut diberi taklimat mengenai cadangan projek membina jambatan gantung bernilai RM2 juta, yang akan menjadi satu lagi daya penarik pelancong menggunakan perkhidmatan kereta kabel di situ, oleh perunding projek Dr Peter A.Wyss.

-- BERNAMA

NH RON